



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>



14 November 2017

**Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa  
Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Berhubung Pembentangan  
Laporan PAC Parlimen Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri  
Sabah Di Bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah  
(KKLW) dan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS).**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC Program Bekalan Air Negeri Sabah (BALB) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) di Dewan Rakyat
- 2) Isu ini adalah penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada pada 18 Mei 2016.
- 3) PAC Parlimen mengadakan Mesyuarat Prosiding berhubung isu ini, pada 7 September 2016 dengan memanggil Ketua Setiausaha KKLW, Datuk Mohd Arif Ab Rahman dan Timbalan Pengarah JANS, Teo Chee Kong yang mewakili JANS bagi menjelaskan mengenai isu yang dibangkitkan JAN dalam LKAN Tahun 2015 Siri 1.
- 4) Dalam Mesyuarat Prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
  - i) Sistem Retikulasi Projek BALB Pulau Gaya.

- 5) PAC Parlimen juga mengadakan lawatan kerja ke Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Pulau Gaya pada 15 Januari 2017 bagi melihat sendiri projek berkenaan.
  
- 6) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Laporan PAC Program Bekalan Air Negeri Sabah (BALB) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac) .

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara  
Parlimen Malaysia